



Sebongkah Batu Di Kuala Berang

Faisal Tehrani

Download now

Read Online ➔

Sebongkah Batu Di Kuala Berang

Faisal Tehrani

Sebongkah Batu Di Kuala Berang Faisal Tehrani

Kisah ini bermula di sebuah institusi yang dinamakan Akademi Seni Islam. Sekumpulan pelajar tahun akhir perlu menyiapkan tugas terakhir dengan cemerlang, iaitu dokumentari drama yang mengkaji kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Kisah kedatangan Islam yang dikaji dengan cara terperinci itu dialihkan ke dokumentari drama dengan tuntutan seni yang tinggi. Alur ceritanya mula bergolak dengan sikap pelakon yang bermasalah sehingga dokumentari itu gagal memenuhi tarikh akhir. Dalam tuntutan-tuntutan yang semakin mendesak, Faisal Tehrani memberikan sebuah penyudah yang tidak disangka.

Sebongkah Batu Di Kuala Berang Details

Date : Published (first published March 4th 2011)

ISBN :

Author : Faisal Tehrani

Format : Paperback

Genre : History, Literature

 [Download Sebongkah Batu Di Kuala Berang ...pdf](#)

 [Read Online Sebongkah Batu Di Kuala Berang ...pdf](#)

Download and Read Free Online Sebongkah Batu Di Kuala Berang Faisal Tehrani

From Reader Review Sebongkah Batu Di Kuala Berang for online ebook

Naim AlKalantani says

Karyanya ini telah diharamkan JAKIM. Jangan cari di Popular atau kedai-kedai buku dah. Yang tak dapat baca padan muka.

Aku pun tak tahu apa masalah JAKIM ni.

Sebelum ni aku baca kritikan FT melalui karyanya, Sinema Spiritual. Dan Sebongkah Batu di Kuala Berang (SBdKB) ni hampir sama isu yang diutarakan oleh FT dengan Sinema Spiritual.

Kalau kau lihat di GoodReads, kau akan nampak orang komen buku ni 'seperti biasa, FT tidak mengecewakan'.

Ya, seperti biasa FT tidak mengecewakan. Karya ini berat sikit berbanding karya-karyanya yang pernah aku baca, selain Perempuan Nan Bercinta, tu memang berat.

Penyebaran Islam di Tanah Melayu, dipelopori oleh masyarakat Syiah kata FT. Dan ada pertentangan fakta di dalam buku ini sendiri.

Aku pernah tonton wawancara bersama FT. Faisal berkata satu quote yang amat menarik “ianya (Perempuan Nan Bercinta) sebuah novel. Anda cakap lah apa pun pasal novel ini, ini sebuah novel”.

Aku kagum dengan FT. Si genius yang meletakkan pelbagai fakta sama ada kontra atau pro di dalam sebuah novel, ya, NOVEL! Anda bantah sekalipun fakta tersebut, ini NOVEL! Bukan tesis, bukan jurnal, bukan karya ilmiah.

FT sebagaimana selalu, dan dalam SBdKB ini juga, plot novel amat mudah. Semua novelnya yang pernah aku telaah, amat mudah plot nya. Budak darjah 1 pun faham. Kalau nak tandingi karya lain seperti Nadia Khan (Gantung, Kelabu), Hasrul Rizwan (Ilusaniti), Hilal Ashraf (Takdir 1 & 2), Ramlee Awang Murshid (kesemua 25 buah novelnya), Faisal Tehrani dalam novel-novelnya ketinggalan di belakang dari segi plot penceritaan. Kerana, tiada cabaran. Plot klisé. Benda sama je dia cerita macam novelis lain.

Tapi, isu yang dibangkitkan, tidak tentu lagi budak degree yang faham. Isu yang dibangkitkan seringkali mendapat kritikan hebat dari pelbagai pihak. JAKIM pun masuk campur. Siap kena ban lagi tu. Kau jangan harap nak baca FT dengan santai. SBdKB ni nipis je, novel ni tebal sikit dari novel terbarunya Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?, tapi isunya membuatkan kau berkerut dari dan kau akan cakap "hah?!".

Weh, buku haram ni, ada di perpustakaan Universiti Of Washington, USA. Kau tak percaya? Lantak kau. Mungkin wakil Tuhan di USA Syiah kot.

Tak percaya? Cubalah.

P/s: lepas banjir ni insyaAllah aku akan copyleft (dengan perfect binding) novel ni. Jangan jadi bodoh macam JAKIM. Aku dah baca 4-5 karya FT, aku tak jadi Syiah pun.

Wahai wakil Tuhan JAKIM, haramkanlah banyak lagi buku, baru laku keras buku tu.

Nazmi Yaakub says

HALAMAN-HALAMAN awal *Sebongkah Batu di Kuala Berang* memang pantas mengingatkan kita terhadap novel *Jukstaposisi* karya Hizairi Othman tetapi nuansa Islam dan gaya wacananya menjadikannya bergerak pada dua landasan yang hampir sama tetapi destinasi berlainan.

Namun karya Faisal Tehrani pasca Persuratan Baru dengan karyanya seperti *Cinta Hari-hari Rusuhan* dan *Perempuan Politikus Melayu*, menuntut kesabaran yang lebih kerana novel mutakhirnya tampil dengan cerita yang tidak lebih daripada kerangka yang boleh ditukar ganti.

Wacana tentang perfileman dalam faham Islam boleh saja diletakkan dalam cerita yang lain - kerana watak dan plot yang mendokongnya tidak lagi menduduki keutamaan dalam menghantar idea pentingnya.

Kemasukan Islam ke Nusantara dan idea *Islam thaqqafi* menguasai novel ini sehingga kita seperti membaca sebuah esei panjang yang isinya diselang-seli dengan sedikit cerita tentang watak.

Bagaimanapun, wit Faisal Tehrani masih kekal, sesekali pengarang kelahiran Melaka ini menyindir watak-watak dalam industri hiburan kita, sekali gus menjadikan banyak rujukan silang dengan gosip dan cerita artis tanah air.

Kerana gosip dan cerita artis itu boleh dikatakan agak basi, maka wit seperti itu tidak menjadi seperti yang sering kita baca dalam cerpen Faisal Tehrani yang meminjam gaya realisme magis. Dan pada beberapa tempat, beberapa adegannya sangat terawang-awang seperti kejayaan filem doku-drama *Sebongkah Batu di Kuala Berang*.

Kerana cerita itu sendiri tidak penting, maka penyudahnya juga tidaklah juga memberikan kesan yang besar kepada keseluruhan novel ini. Mungkin itulah yang dimaksudkan 'penyudah yang tidak disangka' pada blurb novel ini!

Wacana dan ilmu dalam karya memang penting tetapi ia tidaklah sampai perlu mengorbankan kreativiti dan estetika bentuk, sebaliknya ia sepatutnya lebih baik kerana untuk memberikan keseimbangan dan tarikan kepada pembaca untuk terus menyelongkar gagasan besar pengarangnya. Kerana itulah saya hanya memberikan dua bintang kepada *Sebongkah Batu di Kuala Berang*.

Lina Kama says

Entah kenapa saya rasa penulisan FT kali ini agak bernada lembut. provokasi yang mudah, berfakta dan bertoleransi. Dalam banyak keadaan, setiap perdebatan diseimbangkan dengan fakta bertentangan lantas membiarkan pembaca melakukan inferens sendiri. FT tidak pernah gagal membuatkan saya bangga menjadi Melayu dan Islam

Juliana Es says

Jika ada penulis yang mampu 'memotong barisan' buku lain, apatah lagi ketika diri sedang sibuk bersedia menghadapi peperiksaan, Faisal Tehrani adalah salah satu daripadanya.

Novel nipis ini sempat saya habiskan dalam beberapa jam sebagai hadiah kepada diri sendiri sesudah letih mengharungi lautan manusia dan buku di PBAKL 2011 untuk membuat pemilihan buku perpustakaan.

Saya berpendapat ada novel FT yang lebih baik daripada ini. Namun ini tidak bermakna novel ini mengecewakan. Dalam gurau diselitkan sindiran, dalam sindiran diselitkan pengajaran.

Sarip Dol says

Agenda terbesar buku ini ada dua: mengupas gagasan-gagasan seperti 'Islam tsaqafi', 'sinema spiritual', 'struktulisme transedental' dan lain-lain yang mungkin tak tersenaraikan di sini yang mana setiap satunya tidaklah begitu berbeza cakupan intinya; dan (cubaan) membuktikan secara historis bahawa Islam yang dahulunya tiba di Kuala Berang adalah sama dengan yang tiba di Aceh (Pasai dan Perlak) iaitu yang bermazhab Jaafari dari Farsi. Agenda pertama dikupas dengan sangat menarik walau tidak mendalam manakala agenda kedua terlalu dipaksakan, tetapi masih dengan hujah yang mapan.

Barukisu (Balqis) says

10 April 2011 - Was searching for the cheapest, most affordable, readable, historical, newest, and what not! Fortunately found one and guess what, by one of my fav author - tak sangka! Apa lagi, angkat ler satu! Malam ni juga baca walau minggu ini ada assessment.

12 Januari 2013 - dua tahun kemudian baru habis baca buku ni. Buku kecil tapi mengambil masa yang lama untuk habiskan. Anggap sahaja, setahun lebih ia terperam dalam almari loka. Mula membaca seusai membeli, tetpai terhenti kerana memasuki bahagian khutbah berkenaan mazhab mana yang sampai dahulu dan menyebarkan islam di nusantara. Haih.

Kemudian membaca semua apabila Januari tiba di tahun baru ini. Cadangnya begitulah, mahu menghabiskan buku-buku yang dibeli tahun-tahun sebelumnya sahaja. Tahun ini, kita jimat! Ahaha. Setelah habis menggodam sinema spiritual, saya membaca buku ini, karya dari penulis yang sama. Mudah laluan fikiran itu bekerja dengan idea-ideanya yang rencam!

Maka bermulalah kembali pembacaan dari muka pertama. Menarik, itu yang terbenak di fikiran - membikin filem tentang sebuah batu bersurat (and yeah, the rock is real, of course). Yang mana batu ini adalah bukti bahawa Ketamadunan Islam itu telah bertapak awak di bumi nusantara ini, skop kecilnya, bumi Terengganu.

Teropong besarnya itu. Kalau dikecilkan, dengan melihat secara mikro, apa yang ingin diterangkan dan disampaikan adalah mazhab mana yang sebenarnya membawa islam ke nusantara. So and so... The way he brought that, untuk kita berfikir sendiri. Mungkin tidak ajak kita menerima, namun itulah, perlu tahu juga sedikit sebanyak sejarah kekhalifahan Islam ini dahulu sebelum menentang khalifah itu dan ini sebagai zalim.

So... Yang baik dari novel pendek ini adalah tentang membikin filem yang spiritual dan profetik berlandaskan tauhid dan bertunjangkan iman. Tu je!

Hanya dengan filem begini, kita dapat menangkis serangan-serangan budaya dari barat yang telah banyak mencedera parahkan bangsa kita (ini digambarkan melalui watak dua artis dalam kisah ini yang aliran wataknya memang berlaku amat cliché, artislah, katakan!)

Sekian.

Ririn says

3.5 bintang

Ringkas kisah ini tetapi sarat dengan pengisian ilmu. Naskhah Sebongkah Batu di Kuala Berang yang diangkat menjadi filem dokumentari drama oleh sekumpulan pelajar tahun akhir Akademi Seni Islam. Mengenai kedatangan Islam ke Tanah Melayu.

Selain kajian terperinci dari pelbagai sudut yang diperlukan oleh para pelajar tersebut, timbul juga masalah-masalah dengan pelakon-pelakon yang dipilih untuk membawa watak-watak dalam filem tersebut. Susah betul nak mengajar orang yang tidak mahu diajar dan berasa diri sudah begitu bagus.

Novel ini novel wacana. Fakta-fakta dikemukakan dalam bentuk penceritaan. Sesuaiilah dengan saya yang cuma membaca buku-buku ilmiah sekali-sekala sahaja, bila ada mana-mana buku yang dapat menarik perhatian untuk dikhatamkan. Cuma terasa agak tergantung apa yang cuba disampaikan penulis. Teori kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Islam tsaqafi. Juga berkenaan Batu Bersurat di Kuala Berang. Mungkin kerana ini karya yang ringkas.

Ilmu saya cetek. Saya cuma membaca buku-buku yang diterbitkan hasil kajian orang lain. Tetapi saya tertanya. Karya Faisal Tehrani ini pernah diharamkan JAKIM? Mungkin kerana unsur-unsur ahlul bait itu. Tetapi bukankah itu fakta yang benar? Yang terdapat dalam buku-buku ilmiah yang dihasilkan oleh para pengkaji sejarah. Mungkin kerana itu saya dapat menerima pandangan yang dikemukakan FT dengan hati dan fikiran yang terbuka.

Saadah says

Ini kisah tentang Melayu. Kebanggaan Melayu itu adalah apabila dia bergelar Muslim juga Mukmin. Kedudukan Islam di sisi Tuhan tidak perlu dipersoalkan lagi, tapi pelbagai soalan timbul apabila menghurai asal-usul dan waktu kedatangan agama suci itu ke Tanah Melayu.

Seperti biasa, karya FT memang menjadi pilihan, walau dia banyak menimbulkan kontroversi besar dan kecil sehingga laman sesawangnya telah diambil tindakan tegas secara serta-merta. Dan buku ini adalah karya beliau pertama bersama PTS, sebagai penerbit karya Melayu tersohor.

Batu. Ya, batu itu lah yang menjadi bukti dan saksi. Kajian demi kajian yang dilakukan pada batu istimewa itu menimbulkan banyak persepsi yang berbeza. Satu pujian yang harus diberikan kepada FT apabila beliau menggunakan lebih daripada 20 buah buku sebagai rujukan ilmiyyah di dalam penulisan buku ini. Saya kagum dengan olahan fakta-fakta sejarah.

Akademi Seni Islam. Idea ini adalah sangat sihat! Di mana pelakon itu dididik dengan baik sepanjang latihan doku-drama. FT juga tidak lari daripada mengambil beberapa imej realiti yang nyata dalam dunia hiburan tanah air untuk menghidupkan seseorang karakter di dalam karyanya.

Kontroversi lagi. Ini bagaikan tidak asing lagi buat FT. Karya beliau tidak lari daripada mengkaitkan dengan nama Saidina Ali R.A secara langsung ataupun tidak. Sila baca dengan teliti dan berhati-hati..

Islam. Inilah yang harus menjadi kebanggaan walau di mana kita berada. Usahlah berdebat untuk menegakkan fakta bahawa ia datang dari sini atau sana, pada waktu ini atau itu. Setinggi-tinggi pujian buat DIA kerana mendatangkan nikmat Islam, Iman dan Ihsan di Tanah Melayu ini...

M. Azhaari Shah Sulaiman says

Meskipun unsur Wacana dan ilmiah menguasai novel ini, namun sesekali kita terhibur dengan satira dan sendaan kepada perwatakan artis di dunia realiti dalam novel ini.

Plotnya yang tergantung seakan terasa ada yang kurang beres.

FT masih FT. Klise dengan suasana akademik dan nuansa wacananya.

Don ? says

Informative, sinical, irresistible.

Kalau memang ada bajet RM700 ribu buat satu dokumentari islamik tentang Sebondok Batu di Kuala Berang, agaknya berjayakah ianya dilakukan? Novel ini bolehlah nak kata novel sejarah. Sejarah tentang teori kedatangan Islam di Tanah Melayu bertitik tolak dari sebondok batu bersurat yang kita belajar dalam buku sejarah PMR. Banyak fakta yang dirujuk dan setiap teori itu diulas dalam bentuk argument. Sadly, everything is new to me. So I didn't know which is true or which part wholly fabricated to support Syiah idealism. As 'they' quoted in media. Walaupun penjelasannya jelas, tetap aku tak boleh justifikasikan dengan jelas semasa membaca tang mana yang mempromosikan syiah tu? Tiada satu ayat pun yang menggalak pada syiah (yang aku faham). Salah, sila betulkan. Ini cuma pendapat individu.

Kalau yang namanya sejarah pasti ada bias di mana-mana. Setiap bacaan perlu ada persoalan dan aku rasa perlu baca lebih banyak untuk memahami karya FT ini. Terutamanya teori kedatangan Islam. Ada cerita tentang Wali Songo. Oh, aku dah boleh hafal senarai gelaran wali-wali songo itu tau! Tak penting pun, tapi untuk aku yang baru nak belajar sejarah Islam ni, kiranya satu pencapaian yang baik dan boleh dapat C+ kalau ambil subjek sejarah Islam nanti.

Anis Rejab says

Idea yang dibawa oleh Faizal Tehrani dalam *Sebongkah Batu Di Kuala Berang* benar-benar membuka minda para pembaca. Jalan cerita diserikan lagi dengan sekumpulan anak muda yang ingin membikin dokumentari untuk projek tahun akhir di bawah Akademi Seni Islam. Dokumentari tersebut berkisar tentang Batu Bersurat Terengganu. Mungkin idea menghentikan pembinaan masjid dan memberi tumpuan kepada filem Islami boleh diterima dalam situasi yang tertentu berdasarkan kepada scenario masyarakat kita ini. Seperti yang kita sedia maklum, impak sesebuah filem itu amat memberi kesan kepada masyarakat, penghasilan filem Islami secara tidak langsung dapat menaikkan semula martabat agama Islam. Dalam novel ini juga diperlihatkan geniusnya penulis dengan mengemukakan fakta secara santai melalui dialog antara watak-wataknya, wawancara, ucapan pembukaan majlis dan juga ulasan filem. Teknik penulisan sebegini memudahkan pembaca memahami setiap butir wacana ilmiah yang ingin disampaikan oleh penulis. salah satu antaranya ialah Sejarah ringkas Wali Songo yang diceritakan melalui perbualan watak Sofea dan juga Syarifah. Walaupun novel ini berstatus novel "haram" kerana adanya unsur-unsur Syiah diselitkan di dalamnya, namun anda akan rugi jika tidak memiliki SBDKB ! banyak idea berguna yang boleh didapati dalam novel ini selain dari kita fokus kepada isu Syiah tersebut...
SELAMAT MEMBACA-AZ-

Shafaza Zara says

01. Berhempas pulas mencari buku yang khabarnya sudah di-banned daripada pasaran. Setelah bertanya di Twitter dan menggunakan enjin carian, aku dapat beli naskah ini dengan penghantaran percuma daripada MPH Online.

02. Dari sudut pembacaan, naskah ini perlu dibaca dengan minda yang bersedia untuk menapis apa yang kita pegang sendiri. Sejurnya, Faisal Tehrani adalah penulis yang aku suka sejak zaman "Kerana Manisnya Epal" (salah satu cerpen dalam KOMSAS) - serta catatan ringkas beliau dalam majalah Fokus SPM yang aku langgan setiap bulan dahulu.

03. SBDKB ini menyorot pandangan anak muda tentang apa yang mereka pelajari dan cara mereka mahu melunaskan dalam projek mereka. Selain daripada bahasa yang agak skema (?) untuk perbualan dengan rakan-rakan, ini naskah yang baik pada aku selepas beberapa buku Faisal tehрани yang lain.

Nota Peribadi :

Lebih banyak orang haramkan buku, lebih ramai orang akan sibuk dan gila mencari.

Kataklicik says

I had great hopes for this one. But words fail me. This is a Faisal Tehrani offering? Almost impossible to comprehend.

Dry. Reads like an academic paper. Plot was nil. I can almost see the Tehranis glaring at me with daggers in their eyes. So sue me.

Muhammad Fakhruddin says

Resensi penuh di <http://ohbuku.com/resensi/sebongkah-b...>

Seperti biasa, Faisal Tehrani tak jemu-jemu berkhotbah kepada pembaca dengan 1001 fakta dan maklumat yang berguna, buat mengenalkan kita akan sejarah agama dan bangsa. Walaupun berfokus kepada Batu Bersurat Kuala Berang yang mencatatkan tarikh kedatangan Islam ke Alam Melayu ini, kita dihiburkan dengan watak-watak budaya popular seperti Sharifah Ezzati @ Nono dan Seeta Adeeni yang tergila-gilakan hero Malaya Azhan Kaya. Tugas akhir sekumpulan pelajar Akademi Seni Islam untuk menyiapkan doku-drama mengenai kedatangan Islam ke Tanah Melayu akhirnya gagal, tetapi diberi penamat yang tidak mudah ditelaah pembaca.

Novel ini membuat hipotesis bahawa Islam datang ke Alam Melayu dari Parsi, setidak-tidaknya dibawa oleh pengikut mazhab Jafari (disandarkan kepada Imam Jaafar As-Sadiq, salah seorang imam besar Syiah dan guru kepada Imam Abu Hanifah). Ini berdasarkan tulisan jawi yang digunakan ialah jenis nasta'liq yang lazim dalam mazhab Jafari, bukan khat kufi mahupun naskhi. Sejauh mana kebenaran dan kesanggupan sejarawan tempatan untuk menjawab hal ini?

Seni Islam, Ke Mana Arah Tujunya?

Bercakap dengan nada sang oksidental, novel ini menekankan peri pentingnya dimajukan bidang seni Islam khususnya lakonan dan penguasaan media, Islam tsaqafi kata Faisal Tehrani. Justeru beliau memaparkan tokoh yang sinonim dengan pendekatan ini iaitu Wali Songo di Jawa.

Jika Wali Songo bisa melawan Hindu dengan wayang kulit, masakan kita tidak berupaya melawan Hollywood dengan filem yang punya dana kerajaan jutaan ringgit. Namun keghairahan menghasilkan filem atau cerita dakwah mesti dipandu agar tidak menconteng arang di muka Islam. Di sini, konflik tercipta antara Profesor Ramlah dan tuan pengarah, Zulkifli ketika mahu mengambil pelakon yang terkenal kontroversi, Sharifah Ezzati. Maka sewajarnya saya menutup kalam dengan petikan ucapan Prof. Budriz selaku produser eksekutif doku-drama ini untuk renungan kita, agamawan, budayawan dan seniwan yang masih sedar dan berbangga dirinya selaku Melayu Muslim

Kita harus bersikap menghargai seni dan warisan budaya, bertolak ansur dengan budaya tempatan; ya seperti yang ditunjukkan oleh Wali Songo ketika menyebarkan Islam di tanah Jawa yang terkenal kental dengan pengaruh Hindu pada waktu itu, tetapi dengan meneguhkan tunjang paling asasi iaitu akidah.

Nur Fatin Atiqah says

Mungkin saat kita menamatkan pembacaan novel ini, kita bakal merasakan kisah ini tergantung, kisah ini tunggang langgang dan tidak memuaskan langsung nafsu yang membuak-buak inginkan sebuah penceritaan yang lengkap, ada klimaks dan sebagainya. Tetapi sebagaimana idea yang diangkatnya, begitulah jalan cerita novel ini.

Menyampaikan a slice of history dalam bentuk novel dokumentari, yang penuh dengan wacana-wacana ilmu

yang padat dan mengujakan. Saya mahu memetik tulisan penulis sendiri di dalam karyanya yang lain, Perempuan Nan Bercinta, di mana novel Sebongkah Batu di Kuala Berang ini ibarat satu denai kecil yang membawa ke lebuhraya yang lebih besar dan bermacam tiada penghujung.

Namun begitu, saya berpendapat masih ada yang boleh dirungkaikan, yang dikupas satu demi satu yang tidak dilakukan oleh penulis. Tidak tahulah saya andai penulis sememangnya mahu tamatan begitu mengikut kehendaknya sendiri ataupun mengikut kehendak penerbit yakni PTS? Atau penulis mahu pembaca sendiri yang sudah terbuka mindanya, yang sudah menjadi cakna, mengambil inisiatif sendiri untuk lebih mengkaji serta memahami? Wallahualam.
